



INDEKS HARGA PENGELUAR (IHPR) PENGELUARAN TEMPATAN

MEI 2025

[Tahun ke Tahun]

[Bulan ke Bulan]

Indeks Harga Pengeluar Malaysia menurun
3.6 peratus pada MEI 2025

Mei 2025 Apr 2025
-3.6% **-3.4%**

Mei 2025 Apr 2025
-1.1% **-1.0%**

IHPR MENGIKUT SEKTOR

Pertanian, perhutanan & perikanan



Perlombongan



Pembuatan



Bekalan elektrik & gas



Bekalan air




Nota :

Tahun ke Tahun
 Bulan ke Bulan

IHPR MENGIKUT PERINGKAT PEMROSESAN

Amerika Syarikat



Mei 2025 : 2.6%
Apr 2025 : 2.5%

P.R. China



Mei 2025 : -3.3%
Apr 2025 : -2.7%

Republik Korea



Mei 2025 : 0.3%
Apr 2025 : 0.8%

Taiwan



Mei 2025 : -4.3%
Apr 2025 : 0.6%

Indonesia



Mei 2025 : 1.2%
Apr 2025 : 1.6%

Jepun




Mei 2025 : 3.2%
Apr 2025 : 4.1%


Sumber : Laman web rasmi
NSO terpilih

IHPR MENGIKUT PERINGKAT PEMROSESAN

Bahan mentah untuk diproses selanjutnya



Bahan perantaraan, bekalan & komponen




Barang siap



IHPR MEI 2024 – MEI 2025

Indeks (2010=100)

Peratus Perubahan (%)



Sumber : Indeks Harga Pengeluar (2010=100) Pengeluaran Tempatan, Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM)



Indeks Harga Pengeluar (IHPR) Malaysia turun 3.6 peratus pada Mei 2025

- Indeks Harga Pengeluar Malaysia terus mencatatkan penurunan 3.6 peratus pada Mei 2025, selepas penurunan 3.4 peratus pada bulan sebelumnya.
- Semua sektor lain mencatatkan penurunan tahun ke tahun pada Mei 2025 kecuali sektor Pertanian, perhutanan & perikanan. Sektor Perlombongan terus merekodkan penurunan dua digit, susut 15.0 peratus (April 2025: -17.8%) disebabkan oleh indeks Pengekstrakan petroleum mentah (-15.7%) dan Pengekstrakan gas asli (-13.1%). Sektor Pembuatan menurun 3.0 peratus (April 2025: -2.6%) disebabkan oleh Pembuatan kok & produk petroleum bertapis (-15.4%) dan Pembuatan komputer, produk elektronik & optikal (-6.9%). Sektor Bekalan elektrik & gas juga turun 1.1 peratus, manakala sektor Bekalan air susut perlahan 0.2 peratus. Sebaliknya, sektor Pertanian, perhutanan & perikanan kekal meningkat, walaupun pada kadar yang lebih perlahan, dengan peningkatan 1.8 peratus (April 2025: 2.6%). Ini disumbangkan terutamanya oleh indeks Penanaman tanaman kekal (4.5%).
- Pada asas bulan ke bulan, IHPR Pengeluaran Tempatan menurun 1.1 peratus pada Mei 2025, berbanding penurunan 1.0 peratus pada April 2025. Sektor Pertanian, perhutanan & perikanan mencatatkan penurunan 5.4 peratus, disebabkan oleh dalam indeks Penanaman tanaman kekal (-9.1%). Sektor Perlombongan turut mencatatkan penurunan 2.3 peratus, disebabkan oleh penurunan indeks Pengekstrakan petroleum mentah (-2.1%). Sementara itu, sektor Pembuatan turun 0.5 peratus, dipengaruhi oleh penyusutan dalam Pembuatan kok & produk petroleum bertapis (-2.1%) dan Pembuatan produk makanan (-1.1%). Namun begitu, sektor utiliti mencatatkan peningkatan sederhana pada bulan ini. Indeks Bekalan elektrik & gas meningkat 0.6 peratus, manakala indeks Bekalan air meningkat sederhana 0.2 peratus.
- Seperti bulan sebelumnya, semua peringkat pemprosesan mencatatkan penurunan tahun ke tahun pada Mei 2025. Indeks Bahan mentah untuk diproseskan selanjutnya menurun 8.7 peratus, terutamanya disebabkan oleh penurunan ketara dalam Bahan bukan makanan (-10.4%). Indeks Bahan perantaraan, bekalan & komponen turun 2.4 peratus, disebabkan oleh Bahan api yang diproses & pelincir (-9.9%). Sementara itu, indeks Barang siap mencatatkan penurunan 2.4 peratus disebabkan oleh penurunan dalam Kelengkapan modal (-3.2%).
- Pada asas bulan ke bulan, indeks Bahan mentah untuk diproseskan selanjutnya menurun 3.7 peratus. Pada masa yang sama, indeks Bahan perantaraan, bekalan & komponen dan Barang siap masing-masing turun sebanyak 0.6 peratus dan 0.3 peratus.

